

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 25 JANUARI 2014 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Yayasan Diraja Sultan Mizan Nafi Anjur Lawatan MB Terengganu ke Antartika	Bernama.com
2.	Bundle up for cold week ahead	New Straits Times
3.	Kuala Krai residents don sweaters to stay warm	New Straits Times
4.	Jackets are trendy as cold climate hits Sabah	New Straits Times
5.	Bumi alami cuaca sejuk ekstrem – Ku Halim	Utusan Malaysia
6.	Cuaca luar biasa landa Kuala Krai	Utusan Malaysia
7.	Banjir antara musim, fenomena dan bencana alam	Berita Harian
8.	Tempias musim sejuk di China	Berita Harian
9.	Don't blame climate change for cooler weather	The Star
10.	'Matahari tidak tidur'	Harian Metro
11.	Riadah pakai baju sejuk	Harian Metro
12.	Amaran angin kencang, laut bergelora sehingga Khamis	Bernama.com
13.	Penduduk berbaju sejuk berikutan suhu rendah di Kuala Krai	Bernama.com
14.	Musim Timur jadi produk pelancongan Perlis	Bernama.com
15.	SIRIM lancar pelan pengkomersialan	Utusan Malaysia
16.	SIRIM TechVenture mudahkan pemindahan teknologi kepada industri	Utusan Malaysia
17.	Sirim steps up bid to spur technology transfer	New Straits Times
18.	Dr M: Protests aim to provoke govt	New Straits Times



Yayasan Diraja Sultan Mizan Nafi Anjur Lawatan MB Terengganu Ke Antartika

KUALA LUMPUR, 24 Jan (Bernama) -- Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) Jumaat menafikan ia menganjurkan lawatan Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Said ke Antartika.

"Lawatan itu bukan anjuran YDSM, dan ia tiada kaitan dengan program yayasan," kata Setiausaha Kerja YDSM Mohd Azrul Ismail dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata yayasan itu hanya menjalankan kerja amal bagi memberi sumbangan ke arah meningkatkan taraf sosioekonomi, kesejahteraan hidup dan pendidikan rakyat, selain melakukan program penyelidikan sejarah, pembangunan seni warisan serta pemuliharaan alam sekitar negeri itu.

Pada 15 Jan lepas, akhbar melaporkan satu kenyataan bahawa Ahmad akan mengetuai lawatan ke Antartika selama 15 hari anjuran **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** melalui inisiatif Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM).

Kenyataan itu, yang dikeluarkan oleh Pejabat Menteri Besar Terengganu, menyatakan lawatan itu bertujuan membuka laluan bagi membantu kerajaan menubuhkan sebuah stesen penyelidikan bersama Instituto Antartico Chileno (INACH).

-- BERNAMA

Bundle up for cold week ahead

DAY 6: People, especially those with asthma, should monitor their health, advises National Security Council

ALIZA SHAH
AND BALQIS NASIR
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

WITH the current low temperatures in several areas in the country expected to last until next week, those affected are resorting to various ways to keep warm.

Many people in areas blessed with hot springs, especially those without the privilege of having water heaters at home, are making a beeline for the natural pools.

Others continue to layer up, as the cold climate enters its sixth day.

The National Security Council (NSC) is in close contact with the Health Ministry to check if the change in weather is affecting the health of those in the affected areas.

NSC secretary Datuk Mohamed Thajudeen Abd Wahab said even though the current dip in temperatures did not warrant the council to be on "standby mode", it had alerted government clinics to monitor the situation in their respective areas.

"Even though the cool weather is temporary, the public, especially people with asthma, should monitor their health and seek medical

Weather outlook for the next six days													INFOGRAPHIC: NST
	Jan 25		Jan 26		Jan 27		Jan 28		Jan 29		Jan 30		
	Min °C	Max °C	Min °C	Max °C	Min °C	Max °C	Min °C	Max °C	Min °C	Max °C	Min °C	Max °C	
Kuala Krai, Kelantan	21	29	22	30	22	30	22	31	23	31	23	31	• Jan 25 - 30: Afternoon showers
Besut, Terengganu	22	30	22	30	22	30	22	31	23	31	23	31	• Jan 25: Fair whole day • Jan 26 - 30: Afternoon showers
Chuping, Perlis	22	32	22	32	22	32	22	32	22	32	22	32	• Jan 25 - 30: Fair whole day
Alor Star, Kedah	21	32	21	32	21	32	21	32	21	32	21	32	• Jan 25 - 30: Afternoon showers
Kota Kinabalu, Sabah	23	30	25	33	25	33	25	33	25	33	25	33	• Jan 25 - 27: Afternoon showers • Jan 28 - 30: Afternoon thunderstorms

treatment if they begin to have health problems," he told the *New Straits Times*.

As the people in Kuala Krai, Kelantan; Perlis; Besut, Terengganu; Alor Star, Kedah; Cameron Highlands, Pahang; and Kota Kinabalu, Sabah, seek thicker materials for reprieve from the chill, Kelab Putera Malaysia is expected to knock

on their doors and hand out wool blankets.

Its president, Datuk Abdul Azeez Rahim, said he considered temperatures below 20°C to be "critical", as most Malaysians were not used to such cool weather.

"The club's secretariat is in the midst of sourcing these blankets for distribution.

"We have, since yesterday (Thursday), sourced jackets that are suitable for children in the affected areas," he told NST, adding that the items would be distributed soon.

The country is experiencing record low temperatures in several areas, with Kuala Krai topping the list.

The temperature there dropped significantly from 32°C on Jan 7 to 17.2°C on Wednesday.

The Malaysian Meteorological Department expects the low temperatures, attributed to cold, dry winds from China, which is currently experiencing winter, to start rising by next week.

Its central forecast division director, Muhammad Helmi Abdullah, said temperatures in the affected areas were gradually increasing.

He said the affected areas should be seeing normal temperature readings next month.

"The northeast monsoon winds that come from China are slowly moving towards the northwest.

"The strong winds that we have been experiencing have also weakened."

Helmi said the low temperatures recorded in some areas in the east coast and north of the peninsula were normal climatic changes that happened occasionally in the months of January and February.

"We have not yet made sure if the record of the country's lowest temperature has been broken over the past few days.

"However, the temperature readings that we have been seeing are far below the average minimum temperature."

Kuala Krai residents don sweaters to stay warm

UNUSUAL WEATHER: Kuala Krai Hospital ensures patients have enough blankets

SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH

KUALA KRAI

sharifahmah@nst.com.my

IT may seem unusual but people in this Kelantan town have been putting on sweaters this week. The reason: the mercury is showing 17° Celsius!

A check by Bernama at the Kuala Krai Lake Gardens and the Cinta Wangsa Park, a popular workout spot, found that people were turning up later than usual because of thick mist.

Civil servant Mohd Baihaqi Che Man, 28, said he now headed to the park an hour later than usual, at 8am, to exercise.

"The cold weather caused a thick

mist to envelop the area and visibility is reduced. I also had to put on three layers of clothing, including a sweater, because the weather is colder than it was last week."

Teacher Abd Aziz Daud, 42, from Sungai Pas here, said the cold was unusual and some pupils and teachers started wearing sweaters to school.

"It is also cold in the evenings. However, pupils are still turning up for school."

Civil servant Norazita Ismail, 36, from Guchil 3, said she started taking hot baths before going to work.

"I dread the cold water. It is too cold, like touching ice. Fortunately, we are able to start our cars in the

morning. The town is shrouded in mist even at 9.30am," she said.

The Meteorological Department reported last Wednesday that the temperature hit 17.2°C, the second coldest area after Cameron Highlands in Pahang at 12°C.

The mercury showed a minimum of 19.1°C and a maximum of 29.2°C here yesterday.

In **Kota Baru**, it was between 21°C and 27.9°C.

Management at the district hospital here began increasing its stock of blankets at all the wards to make sure patients were kept warm.

Assistant director (administration) Intan Shahrizat Mohd Nasir said the move was taken after they

received information on the change in the weather pattern from the Meteorological Department.

She said the additional blankets sent to the wards depended on patients' needs.

"It is normal for us here to experience low temperatures in January and February every year but some of our patients feel uncomfortable at night.

"Therefore, we had asked our supplier to send more blankets."

A cold air surge from mainland China moving southwards to the South China Sea, a phenomenon usually associated with the northeast monsoon, had been cited as the cause of the chilly conditions.

Jackets are trendy as cold climate hits Sabah

KOTA KINABALU: Security guard Abdul Shah Abd Masin tends to walk about more when he is on night duty these days looking after a two-storey office at KK Times Square.

The recent cold weather phenomenon has made him put on an additional undershirt and a jacket to keep warm, as well as having a bigger flask of hot coffee.

"When it gets really cold, I walk up and down the staircase, stroll along the office blocks or just move away from where the wind is blowing," said the 35-year-old security guard.

Long-sleeved jackets seem to be the latest trend among the people in the west coast and interior of Sabah, which has been experiencing the chilly weather attributed to cold winds from China.

In some urban areas in the west coast of the state, the temperature has registered at 17°C and below in the highlands, such as Mount Kinabalu Park in Kundasang, Ulu Kumanis Crocker Range Park, Kokol Hills, Inobong and Long Pasia, to name a few.

While the populace in the highlands is used to cold weather conditions, those living in the coastal areas see this as a rare phenomenon.

SM La Salle teacher Safri Jeffri said because of the weather, they did not mind bending their rules by allowing students to wear jackets in class.

"As long as they do not put on something obscene or offensive, it is all right.

"It's understandable parents want to make sure their children stay warm in class."

Safri said it started early this week but by Wednesday, a majority of the students were wearing extra clothes to school.

According to a Meteorological Department spokesman here, Kota Kinabalu district saw a slight increase in temperature yesterday, averaging between 23°C and 27°C.

The temperature is expected to remain at the current level, if not increased to a warmer state in the next few days.

"The current temperature in Kundasang and Ranau is expected to remain between a maximum of 25°C and a minimum of 18°C.

"This is quite common for hilly areas.

"We do not expect any areas in the state to get any chiller.

"Once the rainy season is over by end of the month and the sun is out again, we would see warmer days," said the spokesman.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 08
TARIKH: 25 JANUARI 2014 (SABTU)

Bumi alami cuaca sejuk ekstrem – Ku Halim

KUALA LUMPUR 24 Jan.- Cuaca sejuk luar biasa yang melanda negeri di Pantai Timur dan Johor semalam menunjukkan bumi sedang mengalami perubahan cuaca ekstrem secara global.

Ketua Pusat Penyelidikan Alam Sekitar Universiti Teknologi Mara (UiTM,) Prof. Dr. Ku Halim Ku Hamid (**gambar**) berkata, peristiwa utara Vietnam dilanda salji dan



pembekuan arus sungai di China sepanjang tahun lalu adalah petunjuk bahawa dunia sedang mengalami perubahan cuaca luar biasa.

“Kita tidak mempunyai fakta khusus tentang fenomena ini, tetapi tidak menolak kemungkinan ia berlaku disebabkan pergerakan

luar biasa planet dari matahari. “Faktor utama yang menyebabkan

berlakunya perubahan seperti ini sukar diramalkan dan mungkin juga kejadian ini terjadi akibat kesan pencemaran di angkasa lepas,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas perubahan cuaca sejuk yang dialami beberapa buah negeri di pantai timur dan Johor yang mencatatkan suhu purata serendah 17 darjah Celsius.

Semalam, Pengarah Pusat Ramalan Jabatan Meteorologi, Muhamad Helmi

Abdullah memaklumkan, keadaan itu dijangka berlanjutan sehingga minggu depan ekoran perubahan aliran udara sejuk dan tiupan angin yang berlaku di Laut China Selatan.

Suhu berkenaan antara yang paling rendah pernah dicatatkan rekod Stesen Meteorologi sejak lebih 20 tahun lalu.

Dalam pada itu, Ku Halim berkata, fenomena cuaca sejuk itu tidak akan mengambil masa lama tetapi mungkin berulang tahun depan.

“Perubahan cuaca sejuk ini akan mendorong para saintis melakukan kajian secara lebih mendalam dari sudut saintifik kerana sebelum ini kebanyakan kajian hanya tertumpu kepada isu pemanasan global.

“Sebenarnya cuaca sejuk ekstrem yang melanda beberapa negara termasuk di Malaysia bakal membawa pelbagai kesan dari segi sosioekonomi, ekosistem dan gaya hidup masyarakat,” katanya.

Suhu kira-kira 17 darjah Celsius direkodkan sejak Rabu

Cuaca luar biasa landa Kuala Krai

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
utusan.kelantan@utusan.com.my

KUALA KRAI 24 Jan. - Seolah-olah menikmati suasana pagi di Cameron Highlands, Pahang.

Itulah yang dirasakan penduduk di sekitar Kuala Krai di sini apabila suhu kira-kira 17 darjah Celsius direkodkan di daerah ini sejak Rabu lalu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di sekitar daerah ini mendapati, penduduk terpaksa memakai baju tebal bagi melakukan aktiviti seharian berikutan perubahan cuaca yang berlaku.



CHE RAGAYAH

Seorang kakitangan awam, **Che Ragayah Che Yaakob**, 31, mendakwa, fenomena cuaca sejuk seolah-olah berada di Cameron Highlands tidak pernah berlaku di kawasan itu sebelum ini.

Katanya, suasana bertambah sejuk terutama pada waktu malam menyebabkan dia terpaksa menggunakan selimut tebal.

"Saya difahamkan keadaan ini akan berterusan beberapa hari lagi sehingga minggu depan dan fenomena ini turut melanda beberapa daerah lain di negeri ini," katanya ketika ditemui.

Seorang lagi kakitangan awam, **Norazita Ismail**, 36, berkata, beliau terpaksa mandi menggunakan air panas pada waktu pagi sebelum ke tempat kerja.

"Hendak sentuh air pada waktu pagi sekarang sangat sejuk, terasa seperti

menyentuh ais lebih-lebih lagi ketika hendak berbuduk.

"Keadaan ini menyebabkan suasana berkabus walaupun pada pukul 11 pagi," katanya.

Sementara itu seorang pengusaha santan kelapa, **Hasnah Mustafa**, 50, pula berkata, akibat cuaca sejuk, santan yang dihasilkan menjadi beku walaupun tidak disimpan di dalam peti ais.

"Situasi yang berlaku ini merupakan kali pertama saya alami sejak mula mengusahakan perniagaan empat tahun lalu," katanya.

Dalam pada itu, laman web Jabatan Meteorologi mencatatkan suhu minimum di Kuala Krai hari ini adalah 19.1 darjah celsius iaitu masih yang terendah bagi kawasan tanah rendah dengan Cameron Highlands mencatatkan suhu minimum 12.3 darjah celsius.

Kelmarin, **Jabatan Meteorologi** menerusi satu kenyataan melaporkan secara relatifnya, bulan ini dan Februari merupakan tempoh suhu minimum yang agak rendah berbanding bulan-bulan lain.

Suhu udara yang sejuk daripada biasa yang dialami di kebanyakan tempat terutamanya di kawasan pantai timur dan utara Semenanjung pada minggu ini adalah disebabkan tiupan angin timur laut yang agak kencang, berpunca dari tanah besar China yang ketika ini sedang mengalami musim sejuk.

Selain itu, keadaan litupan awan yang kurang di seluruh Semenanjung sepanjang minggu ini turut membantu merendahkan suhu pada waktu malam dan awal pagi.



HASNAH Mustafa menunjukkan santan yang membeku akibat cuaca sejuk di kedainya di Kampung Bedal, Kuala Krai, Kelantan, semalam.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (RENCANA) : MUKA SURAT 32
TARIKH: 25 JANUARI 2014 (SABTU)

Penjaga parkir
di Pengkalan
Pohon Jambu,
Rantau
Panjang,
Kelantan,
mengikat
kereta
pelanggan
pada pokok
selepas
kawasan itu
dinaiki air
akibat
limpahan air
Sungai Golok.
(FOTO FATHIL
ASRI/BH)



Banjir antara musim, fenomena dan bencana alam

Langkah proaktif perlu diambil elak kerugian berbilion ringgit

Rakyat perlu mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, kerana mengambil tindakan proaktif untuk menyelesaikan isu banjir di Pantai Timur, khususnya di kawasan yang paling teruk dilanda banjir pada musim ini. Antaranya, kerajaan memutuskan untuk menambah peruntukan kepada Jabatan Meteorologi Malaysia dan Jabatan Pengairan dan Saliran bagi membolehkan mereka membangun sistem amaran awal banjir yang lebih berkesan serta projek tebatan banjir yang lebih menyeluruh.

Peruntukan tebatan banjir di daerah Kemaman dan Kuantan saja dijangka boleh menjangkau lebih satu bilion ringgit.

Banjir adalah bencana alam terbesar negara yang meragut banyak

nyawa dan merosakkan harta benda awam bernilai berbilion-bilion ringgit. Selain itu, usaha memindahkan mangsa banjir serta menyediakan pelbagai bantuan kemanusiaan ketika berlaku banjir juga memerlukan sokongan dan kewangan yang besar.

Banjir sungai berlaku ribuan, malah jutaan tahun yang lampau sebelum kawasan di tebing sungai dihuni penduduk. Kawasan ini mudah dibangunkan kerana ia mempunyai tanah yang rata untuk penempatan dan pertanian. Kawasan pinggir sungai juga mudah mendapatkan bekalan air dan sistem pengangkutan air (sungai). Penduduk awal memahami kelakuan sungai, khususnya apabila datangnya 'musim tengkujuh atau banjir'. Mereka bersedia menghadapi musim banjir dengan menyediakan rumah bertiang dan tempat menyimpan bekalan makanan serta kemudahan untuk keselamatan.

Fenomena tahunan

Apabila penduduk di suatu kawasan itu bertambah ramai, komuniti mengambil pelbagai inisiatif, termasuk memilih kawasan penempatan yang bersesuaian untuk berhadapan dengan musim banjir. Banjir menjadi fenomena tahunan yang disambut dengan pelbagai cara, khususnya bagi menghindari daripada kerosakan har-

ta atau kehilangan nyawa. Kanak-kanak menyambutnya dengan gembira kerana pada masa tersebut, mereka tidak perlu ke sekolah dan boleh bermain dengan air.

Daripada perspektif sains, kawasan rata di pesisir sungai dikenali sebagai 'dataran banjir'. Nama ini diberikan kerana kawasan rendah terbentuk oleh 'proses banjir'. Setiap kali musim banjir, air sungai akan melimpah membawa bersamanya pasir, lodak dan lumpur membentuk dataran yang rata. Ini adalah proses alam yang lumrah dan berlaku secara berterusan mengubah kawasan bukit menjadi dataran rendah yang rata. Oleh itu, dataran banjir akan sentiasa berhadapan dengan proses banjir dari masa ke masa bergantung kepada taburan dan keamatan hujan.

Pada masa ini, pembangunan di kawasan dataran banjir dibuat oleh pemaju yang tidak pernah berhadapan musim banjir. Apabila setiap kawasan rendah yang rata dilihat sebagai sesuai untuk kawasan perumahan, mereka membangunkan taman perumahan tanpa mengambil kira faktor banjir. Dengan kerja tambahan yang minimum, rumah dibina di atas tanah dan pelbagai kemudahan awam. Sebahagian besar daripada kawasan perumahan ini ialah



'dataran banjir'. Anehnya, apabila berlaku banjir dan banyak kerosakan harta, mereka menyalahkan proses banjir dan mengharapkan kerajaan membantunya. Beginilah komuniti moden berhadapan dengan bencana banjir.

Punca banjir

Keadaan bencana banjir lebih besar dan arus air yang semakin laju tidak semestinya disebabkan oleh 'perubahan iklim'. Jika dilihat dengan terperinci di kawasan berlaku banjir besar, punca utama banjir adalah:

- Kawasan ditambak untuk pembangunan menyebabkan air hujan sukar meresap ke tanah dan mengalir dengan banyak serta pantas di permukaan.
- Sistem saliran asal diubah dan sistem perparitan yang dibina tidak dapat menampung jumlah air larian.
- Sistem saliran tersumbat dengan sampah sarap atau rosak kerana kurang penyelenggaraan.



**DR IBRAHIM
KOMOO**

ikomoo@yahoo.com

KPI Tersurat, Tersirat komponen penting jayakan organisasi

Setiap awal dan akhir tahun, kita berbincang mengenai petunjuk prestasi utama atau lebih dikenali menerusi singkatan kata bahasa Inggeris, iaitu KPI. Hal ini bukan saja membabitkan sektor swasta malah agensi awam dan badan berkanun. Sejak kebelakangan ini, hampir semua institusi pendidikan di Malaysia menggunakan KPI sebagai kaedah menilai prestasi organisasi, ketua dan warga perkhidmatan. Menerusi KPI, perancangan dan penggunaan sumber diagihkan secara strategik. Begitu juga ganjaran, sama ada dalam bentuk peningkatan gaji atau kenaikan pangkat.

Dari satu segi, KPI memberi impak besar kerana kita dipacu dan didorong melaksanakan sesuatu program serta aktiviti mengikut keutamaan. Maka keutamaan terbabit dipantau secara berkala sepanjang tahun. KPI juga membolehkan kita membezakan antara tugas teras, atau sekadar amalan rutin yang kadangkala tidak banyak memberi kesan.

Dalam konteks agensi awam, KPI ditetapkan dan dipantau menerusi Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) yang ditubuhkan sejak September 2009. Peranan utama PEMANDU ialah menyelia pelaksanaan dan menilai kemajuan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP). Selain KPI terbabit, ada juga KPI ditetapkan sendiri sesebuah agensi melaksanakan peranan tidak terangkum dalam ETP atau GTP.

Dalam konteks institusi pendidikan, sebahagian KPI diselias PEMANDU. Sebahagian lagi ditetapkan pada peringkat organisasi sesuai bidang teras masing-masing. Sekolah mempunyai KPI yang dirangka menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013. Untuk menjayakan PPPM 2013, sebelas anjakan utama diperlukan membabitkan semua pihak dari kerajaan, swasta, guru sehingga ibu bapa. Pelaksanaannya diatur dalam bentuk KPI untuk penyeliaan, pemantauan dan pelaporan agensi khas dikenali PADU.

KPI yang dirangka menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013. Untuk menjayakan PPPM 2013, sebelas anjakan utama diperlukan membabitkan semua pihak dari kerajaan, swasta, guru sehingga ibu bapa. Pelaksanaannya diatur dalam bentuk KPI untuk penyeliaan, pemantauan dan pelaporan agensi khas dikenali PADU.

Fokus agenda kritikal

Hal sama berlaku dalam pengajian tinggi menerusi Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang dilancarkan pada 2007. Selain 23 Projek Agenda Kritikal, setiap institusi pengajian tinggi mempunyai KPI masing-masing dari aspek penerbitan, penyelidikan, pengajaran, jaringan luar dan sebagainya.

KPI membuatkan kita fokus kepada agenda kritikal atau anjakan utama yang dikenal pasti. Mengam

KPI membolehkan sumber kewangan, modal insan dan masa kerja diagihkan sebaiknya Selain berupaya melonjakkan Malaysia dari segi kualiti dan reputasi.

Namun, KPI adalah kaedah, bukan matlamat. KPI adalah cara menyelia dan memantau, bukan cara serta gaya bekerja. Saya membincangkan hal ini dalam buku *Akademia Baru* (2012) dan *Menyuburkan Kembali Jiwa Akademia* (2013) kerana kadangkala kita tersilap meletakkan KPI sebagai 'agenda', matlamat, malah ketetapan yang tidak boleh dipertikaikan.

Jayakan misi

Itulah latar belakang membuatkan saya mengemukakan gagasan 'KPI Tersurat' dan 'KPI Tersirat' menerusi buku *Akademia Baru*. KPI Tersurat ialah apa saja yang diperlukan sesebuah organisasi untuk menjayakan misi dalam tempoh yang dipantau PEMANDU, PADU atau pihak penguurusan organisasi. Dalam bidang akademik misalnya, KPI Tersurat pensyarah adalah tugas pengajaran, penyelidikan, penerbitan, hubungan luar dan pentadbiran organisasi. Sementara KPI Tersirat membina ekosistem ilmu seperti kerja berpasukan, tolong-menolong, menyuburkan budaya ilmu, integriti, keikhlasan, keusahawanan, pembanguan organisasi dan sebagainya.

“KPI membolehkan sumber kewangan, modal insan dan masa kerja diagihkan sebaiknya. Selain berupaya melonjakkan Malaysia dari segi kualiti dan reputasi”

Setiap warga organisasi perlu menjadikan KPI (Tersurat) sebagai instrumen penting memandu kegiatan individu supaya selari dengan sasaran organisasi menuju matlamat secara lebih jelas dan kuantitatif. Justeru, tumpuan boleh diberikan kepada hasil dan prestasi dirancang secara spesifik.

Namun, kita jangan terlalu ghairah melihat KPI dari sudut kuantitatif semata-mata. Lantas melakukan tugas harian secara kuantitatif, terlalu berkira dan sering melupakan soal kesukarelaan, kesetiakawanan dan keikhlasan yang tidak dapat diluahkan dengan petunjuk angka! Ada juga kalangan yang melihat komponen dalam KPI saja dianggap sebagai 'kerja rasmi' yang 'penting'. Komponen lain juga sebenarnya penting dalam pembinaan DNA sesebuah organisasi dianggap sebagai tugas bukan hakiki kerana tidak tersurat dalam KPI individu, seperti khidmat masyarakat, proaktif menyediakan khidmat terbaik dan keprihatinan sosial.


Sebaik-baik amalan dan sumbangan – sama ada KPI Tersurat dan KPI Tersirat – dilakukan dengan penuh ketelitian sehingga ke tahap cemerlang, tetapi tidak mendabik dada kerana sebaik-baik balasan adalah bersifat abadi yang tidak dapat dilakukan mana-mana penguurusan organisasi.



IN
INI
m.edu.



ZAINI
UJANG



Tempias musim sejuk di China

» Cuaca dingin dijangka berkurang minggu depan

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad, Nurul Hazren Masi-tom, Hanneeyzah Bariah Baharin, Mohamed Farid Noh, Mohd Nasaruddin Parzi, Suzalina Halid, Nurfarahin Hussin, Siti Nor Amirah Abu Bakar, Nur Izzati Mohamad dan Francis Andin
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Jabatan Meteorologi Malaysia menafikan dakwaan fenomena cuaca sejuk yang melanda negara berpunca daripada kurang aktiviti matahari atau 'sleeping sun' serta wujud perubahan iklim drastik di gari-

san Khatulistiwa.

Sebaliknya, Pengarah Pusat Cuaca Nasional jabatan itu, Muhammad Helmi Abdullah, berkata ia hanya berpunca daripada tempias musim sejuk yang kini melanda negara di hemisfera utara terutama China.

Menyifatkan suhu purata yang dicatat masih berada pada tahap normal iaitu tidak rendah daripada 15 darjah celsius, kecuali kawasan tinggi di Cameron Highlands, beliau berkata fenomena ini tidak pelik dan luar biasa.

"Ini biasa dialami di negara kita terutama negeri Pantai Timur dan selagi seperti didakwa juga mustahil berlaku kerana Malaysia dan Indonesia beriklim

Khatulistiwa dan suhu purata yang dicatatkan sepanjang tahun adalah tinggi," katanya kepada BH.

Beliau berkata Jabatan Meteorologi meramalkan cuaca dingin mula berkurangan minggu depan disebabkan monsun peralihan yang membawa angin dari Lautan Pasifik walaupun musim Monsun Timur Laut biasanya berakhir Mac.

Media semalam melaporkan, selain tiupan Monsun Timur Laut, kekurangan awan juga menyebabkan suhu rendah dan menyebabkan cuaca sejuk lebih daripada kebiasaan pada sebelah malam.

Dalam pada itu, rekod jabatan sehingga jam 5 petang sama-

lam menunjukkan suhu di kebanyakan kawasan yang mencatatkan 17 hingga 21 darjah celsius kelmarin mula meningkat dengan purata kenaikan antara 0.2 hingga dua darjah.

Di Kuala Krai, suhu minimum 17.5 darjah celsius yang dicatatkan kelmarin meningkat 1.6 darjah celsius kepada 19.1 darjah sementara di Cameron Highlands, suhu direkodkan adalah 12.3 darjah celsius.


Antara kawasan

Orang ramai menunggu giliran berjumpa doktor di Klinik Pesakit Luar Hospital Kuala Lumpur. (FOTO ROSELA ISMAIL/ BH)



Nasihat kesihatan ketika cuaca dingin

- ⊗ Kurangkan aktiviti luar pada sebelah malam
- ⊗ Minum minuman panas seperti teh atau kopi
- ⊗ Mandi dengan air suam, elakkan mandi berulung kali dan terlalu lama terutama ketika malam
- ⊗ Senaman ringkas untuk meningkatkan suhu badan
- ⊗ Kekalkan pengambilan air untuk mengelakkan dehidrasi
- ⊗ Pastikan bekalan ubat peribadi sentiasa ada
- ⊗ Tingkatkan pengambilan vitamin C untuk meningkatkan imuniti tubuh
- ⊗ Pesakit asma dan masalah paru-paru elakkan terdedah kepada cuaca sejuk terutama waktu malam



Sebahagian murid di Sekolah Kebangsaan Dato Wan Ahmad, Kangar memakai baju tebal ketika perhimpunan pagi sebelum memulakan sesi pembelajaran pada waktu pagi.

Kekerapan hujan di sekitar Kota Kinabalu menyebabkan fenomena cuaca dingin di Sabah.





yang masih merekodkan bacaan suhu minimum 21 darjah celsius ke bawah adalah Alor Setar (20.4), Batu Embun (19.9), Batu Pahat, Sitiawan dan Butterworth (21.2), Gong Kedak (21.4), Keningau (20.7), Kota Bharu (21), Kuantan (20.8), Lubok Merbau (19.8), Mulu, Senai dan Prai (21.8), Sibul (21.7), Sri Aman (21.1) Subang (21.9) serta 20 darjah dicatatkan di Temerloh.

Tiupan Monsun Timur Laut ini juga menyebabkan negara kurang menerima hujan selain angin kencang dengan kelajuan dari 60 kilometer sejam di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, pedalaman Sabah serta Sarawak.

Sementara itu, jurucakap Kementerian Kesihatan memaklumkan tiada peningkatan mendadak kes batuk, demam dan selesema di kawasan yang mencatatkan bacaan suhu di bawah 21 darjah celsius.

Elak terdedah cuaca sejuk

Kuala Lumpur: Hospital Kuala Lumpur (HKL) merekodkan peningkatan pesakit seperti demam, lelah dan penyakit seperti influenza (ILI) ketika fenomena cuaca sejuk melanda beberapa bahagian dalam negara sejak seminggu lalu.

Jabatan Kesihatan di beberapa negeri pula menasihatkan penduduk, khususnya yang menghidap asma atau radang paru-paru, supaya mengelak daripada terdedah terlalu lama kepada cuaca sejuk terutama pada waktu malam.

Pegawai Perubatan di Jabatan Pesakit Luar HKL, Dr Gnanamalar John, berkata jumlah pesakit yang mendapatkan minggu ini kerana demam, lelah dan penyakit seperti influenza (ILI) seperti batuk dan selesema meningkat sedikit.

"Apabila cuaca sejuk, kita lihat peningkatan dalam kalangan pesakit asma, minggu ini kita terima 20 pesakit berbanding biasanya kurang lima pesakit seminggu.

"Untuk demam, biasa kita terima kurang 100 pesakit sehari tetapi minggu ini kira-kira 200 pesakit manakala ILI seperti batuk dan selesema ada kira-kira 200 kes sehari berbanding biasa antara 80 hingga 100 sehari.

Di Shah Alam, Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Azman Abu Bakar, berkata jika Selangor turut mengalami cuaca sejuk selepas ini, orang-orang ramai dinasihatkan memakai baju tebal ketika berada di luar rumah dan terus merujuk kepada doktor jika mengalami batuk atau selesema.

Tambah bekalan selimut

Di Kota Bharu, pengurusan Hospital Kuala Krai (HKK) terpaksa menambah bekalan selimut di semua wad berikutan suhu sejuk yang melanda jajahan berkenaan sejak seminggu lalu.

Penolong Pengarah (Pengurusan) HKK, Intan Shahizat Mohd Nasir, berkata penambahan selimut itu bagi memastikan pesakit di hospital ini sentiasa berada dalam keadaan sihat terutama waktu malam bagi mengelak kesejukan.

Di Seremban, Timbalan Pengarah Kesihatan negeri, Dr Ariffin Mohamad, berkata pihaknya memantau rapi perubahan keadaan cuaca terhadap kesihatan penduduk negeri ini.



Pelajar Sekolah Kebangsaan Felda Chuping memakai jaket untuk ke sekolah. Bacaan suhu 20 darjah celsius dicatatkan pada jam 7.20 pagi di kawasan Padang Besar.



Sekumpulan pelajar mengulang kaji dengan mengenakan pakaian tebal.

Tinjauan BH di sekitar bandar ini, mendapati sesetengah penduduk terjejas sedikit akibat suhu yang lebih sejuk sekarang.

Penduduk Taman Tasik Jaya, Noraisyah Mamat, 24, berkata cuaca panas dan berangin pada waktu siang diikuti sejuk melampau waktu malam, kelmarin, menyebabkannya menghidap selesema.

Warga emas di Kampung Pancor dekat sini, Hairuddin Badaruddin, 67, pula mendakwa sakit sendi sejak beberapa hari lalu.

Di Georgetown, Pengarah Jabatan Kesihatan Pulau Pinang, Datuk Dr Lailanor Ibrahim, tidak menolak kemungkinan berlaku pertambahan pesakit kerana fenomena sejuk masih di peringkat awal.

Di Kuala Terengganu, Pegawai Kesihatan Daerah Besut, Dr Razan Ab Samat, berkata setakat ini keadaan kesihatan penduduk daerah ini masih baik.

Tinjauan mendapati penduduk keluar rumah menggunakan pakaian berlapis dan baju sejuk, malah penduduk juga mengelak keluar waktu malam kerana cuaca sejuk.

Cuaca sejuk juga menyebabkan kawasan rekreasi tertentu seperti Kolam Air Panas La di sini, menjadi tumpuan orang ramai untuk mandi dan mendapatkan haba panas.

Selain itu, kawasan rekreasi

seperti air terjun di Lata Tembakah dan Lata Belatan di sini, yang kebiasaannya dipenuhi pengunjung pada cuti hujung minggu lengang.

Beri kesan pada penoreh getah

Di Alor Star, cuaca terlalu sejuk pada awal pagi turut memberi kesan kepada penoreh getah kerana susu getah cepat membeku sekali gus mengurangkan hasil.

Di Batu Pahat, sejak seminggu lalu, penduduk menikmati cuaca sejuk seolah-olah berada di kawasan tanah tinggi terutama pada awal pagi dan malam.

Suri rumah, Hasnah Norani, 53, berkata keadaan sejuk luar biasa itu adalah kali pertama dialaminya sejak 20 tahun menetap di daerah ini. Semalam BH melaporkan, cuaca sejuk yang dialami rakyat Malaysia terutama waktu malam kebelakangan ini adalah tempas cuaca sejuk melampau dari negara di hemisfera utara yang dibawa tiupan Monsun Timur Laut.

Kakitangan swasta, Faizal Jamil, 27, berkata keadaan sejuk luar biasa pada sebelah malam kebelakangan ini menyebabkannya terpaksa memakai pakaian tebal.

EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Datuk Ayub Rahmat, menasihatkan orang ramai supaya mengurangkan aktiviti luar khususnya pada waktu malam dan sentiasa memberi perhatian kepada kesihatan.



Don't blame climate change for cooler weather

PETALING JAYA: The current cooler weather in Malaysia cannot be blamed solely on climate change, said the Metrological Department.

Its National Weather Forecast Centre director Muhammad Helmi Abdullah said natural climate variability was also a huge factor.

"Extreme weather events could be caused by climate change. However, it is hard to attribute any one weather event to just climate change," he said.

Many Malaysians believe that the current weather is a result of climate change.

Helmi explained that the weather currently experienced by Malaysia was caused by the cold and dry northeasterlies from China and Siberia, where it is winter at the moment.

These dry winds and cloudless nights have contributed to the cooler weather at night and in the early mornings, he said.

One of the lowest temperatures recorded for a lowland area was in Kuala Krai, Kelantan, where temperatures dropped to 17.2°C on Thursday.

He said the earth has its own natural weather cycle that was not due to human activities.

He cited the El Nino and La Nina phenomena as natural climate variabilities that cause extreme weather patterns.

"These natural patterns can occur every few years and have nothing to do with human activity," he said.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 19
TARIKH: 25 JANUARI 2014 (SABTU)

SUSULAN SUHU SEJUK

‘Matahari tidak tidur’

■ Jabatan Meteorologi tegas fenomena melanda bukan perkara luar biasa

Oleh Fazurawati Che Lah
fazurawati@mediaprima.com.my
Kuala Lumpur

Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) menafikan dakwaan berlakunya ‘sleeping sun’ atau kurangnya aktiviti matahari serta perubahan iklim drastik di garisan Khatulistiwa yang menjadi punca kepada perubahan cuaca sejuk yang kini melanda negara.

Pengarah Pusat Cuaca Nasional itu, Muhammad Helmi Abdullah, berkata ia hanya berpunca daripada tempas musim sejuk yang kini melanda negara hemisfera utara terutama tanah besar China.

Beliau meminta supaya fenomena ini tidak dianggap sebagai pelik dan luar biasa kerana suhu purata yang dicatat masih berada pada tahap normal iaitu tidak melebihi paras 15 darjah Celsius ke bawah kecuali kawasan tinggi di Cameron Highlands.

“Situasi ini biasa dialami di negara kita terutama negeri pantai timur, kewujudan salji seperti di-dakwa juga mustahil untuk berlaku memandangkan Malaysia dan Indonesia beriklim khatulistiwa dan suhu purata yang dicatatkan sepanjang tahun adalah tinggi,” katanya dihubungi semalam.

Beliau mengulas dakwaan orang ramai di laman sosial yang menyatakan perubahan cuaca dingin yang melanda kebanyakan kawasan disebabkan wujud perubahan iklim mendadak serta fenomena ‘sleeping sun’.

Beliau berkata JMM turut meramalkan cuaca dingin ini dijangka mula berkurangan minggu depan ekoran peralihan monsun yang membawa arah angin dari Lautan Pasifik biarpun pergerakan Monsun Timur Laut kebiasaannya berakhir Mac.

Akhbar ini semalam melaporkan selain tiupan Monsun Timur Laut,

kekurangan kepulan awan juga menyebabkan suhu rendah dan menjadikan cuaca sejuk terutama menjelang waktu malam.

Dalam pada itu, rekod jabatan berkenaan sehingga jam 6 petang semalam menunjukkan kebanyakan kawasan yang mencatatkan suhu 17 hingga 21 darjah Celsius kelmarin mula meningkat dengan purata kenaikan antara 0.2 darjah hingga dua darjah Celsius.

Di Kuala Krai, suhu minimum 17.5 darjah Celsius yang dicatatkan kelmarin meningkat 1.6 darjah Celsius kepada 19.1 darjah sementara di tanah tinggi Cameron Highlands, suhu direkodkan adalah 12.3 darjah Celsius.

Antara kawasan yang masih merekodkan bacaan suhu minimum 21 darjah Celsius ke bawah adalah Alor Star (20.4), Batu Embun (19.9), Batu Pahat, Sitiawan dan Butterworth (21.2), Gong Kedak



LAPORAN Harian Metro
semalam.

(21.4), Keningau (20.7), Kota Bharu (21), Kuantan (20.8), Lunok Merbau (19.8), Mulu, Senai dan Prai (21.8), Sibiu (21.7), Sri Aman (21.1) Subang (21.9) serta 20 darjah dicatatkan di Temerloh.

Kehadiran Monsun Timur Laut ini

juga menyebabkan negara kuran menerima hujan selain kehadiran angin kencang dengan kelajuan da 60 kilometer sejam di kawasa perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, pedalaman Sabah serta Sarawak.

Riadah pakai baju sejuk

Kuala Krai: Cuaca sejuk di daerah ini menyebabkan penduduk yang melakukan aktiviti riadah di luar rumah pada waktu pagi memakai baju sejuk atau jaket.

Tinjauan di Tasik Krai, di sini, mendapati orang ramai yang berjoging memakai baju sejuk atau dua lapis kerana suhu menurun sehingga 19.1 darjah Celsius seperti dipaparkan di laman web Jabatan Meteorologi, semalam.

Selain itu, cuaca sejuk menyebabkan kawasan sekitar berkabus di awal pagi dan semakin hilang menjelang tengah hari.

Penduduk, Roslan Abdul Rahman, 45, berkata, dia yang sebelum ini hanya berjoging memakai baju-T kini memakai baju sejuk.

"Apa yang saya lihat, ramai memakai pakaian sukan lengkap termasuk baju sejuk kerana tidak tahan dengan cuaca sejuk," katanya.

Sementara itu, tinjauan di Hospital Kuala Krai (HKK) mendapati pengurusan hospital bersiap sedia dengan menambah bekalan kain selimut kepada pesakit.

Penolong Pengarah (Pengurusan) HKK Intan Shahrizat Mohd Nasir berkata, pihaknya sudah menambah bekalan selimut ke semua wad bagi memastikan pesakit yang dirawat tidak terjejas dengan cuaca sejuk.

"Keperluan selimut akan ditambah dari semasa ke semasa bergantung kepada permintaan.

"Dari segi bekalan, kita tidak menghadapi masalah kerana semuanya mencukupi termasuklah bekalan ubat. Sebenarnya perseediaan sudah dibuat ketika meng-

hadapi banjir sebelum ini," katanya ketika ditemui di HKK, semalam.

Ditanya adakah cuaca sejuk itu menyebabkan jumlah pesakit di HKK bertambah, Intan berkata, tiada penambahan pesakit secara mendadak.

"Keadaan seperti biasa. Sebagai contoh, semalam (kelmarin) kita mendaftar seramai 139 pesakit dan di sini kami mempunyai 150 buah katil dan ia mencukupi untuk menampung pesakit di hospital ini," katanya.

REMAJA dan kanak-kanak sedang berjoging di Tasik Kuala Krai dengan memakai jaket bagi mengelak dari kesejukan.



PEMANDANGAN di stesen kereta api Kuala Krai pada waktu awal pagi berikutan beberapa kawasan di Kelantan mengalami perubahan suhu sejuk yang ketara.





Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora Sehingga Khamis

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Amaran angin kencang dan laut bergelora kategori kedua di perairan Condore, Reef North dan Pulau Layang-Layang dijangka berterusan sehingga Khamis ini.

Jabatan Meteorologi dalam satu kenyataan, Sabtu, berkata angin kencang timur laut dengan kelajuan 60km sejam dan ombak mencapai ketinggian 4.5 meter dijangka berlaku dalam tempoh itu.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

Menurut kenyataan itu, keadaan angin kencang dan laut bergelora kategori pertama akan melanda kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Sarawak (Mukah, Bintulu dan Miri), Labuan, Sabah (Pedalaman, Pantai Barat dan Kudat), Samui, Tioman, Bunguran, Reef South dan Palawan.

Angin kencang ini yang bertiup antara 40 hingga 50 km sejam dan ombak setinggi 3.5 meter itu dijangka berterusan sehingga Khamis ini, kata kenyataan itu.

Keadaan ini berbahaya kepada bot-bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

--BERNAMA



Penduduk Berbaju Sejuk Berikutan Suhu Rendah Di Kuala Krai

KUALA KRAI, 24 Jan (Bernama) -- Suhu serendah 17 darjah Celsius yang direkod di sini sejak Rabu lepas menyebabkan penduduk terpaksa memakai baju sejuk bagi memanaskan badan.

Tinjauan Bernama di dua tempat beriadah popular iaitu Taman Tasik Kuala Krai dan Taman Cinta Wangsa, mendapati ramai penduduk melakukan aktiviti riadah lebih lewat daripada kebiasaan berikutan kabus tebal yang menyelubungi kawasan itu.

Penjawat awam, Mohd Baihaqi Che Man, 28, berkata beliau kini bersenam sekitar 8 pagi berbanding pukul 7 minggu sebelumnya.

"Ini kerana cuaca yang sejuk menyebabkan kabus tebal dan jarak penglihatan menjadi kurang. Saya mengambil keputusan untuk keluar berjoging lewat sedikit pada hari ini kerana bimbang dirempuh kenderaan.

"Selain itu, saya terpaksa memakai tiga lapis baju, termasuk baju sejuk, kerana suhu yang lebih sejuk berbanding minggu lepas," katanya kepada Bernama.

Seorang guru, Abd Aziz Daud, 42, dari Sungai Pas pula menyifatkan keadaan suhu yang rendah di kawasan pedalaman itu adalah luar biasa dan ada murid terpaksa memakai baju sejuk walaupun pada waktu tengah hari.

"Bukan sahaja murid malah guru sendiripun ada yang memakai baju sejuk kerana tak tahan dengan keadaan itu.

"Bagaimanapun, murid masih datang ke sekolah seperti biasa dan kehadiran tidak terjejas walaupun keadaan suhu yang rendah di kawasan pedalaman," katanya.

Seorang lagi penjawat awam, Norazita Ismail, 36, dari Guchil 3, berkata beliau terpaksa mandi menggunakan air panas sebelum ke tempat kerja.

"Nak sentuh air pun saya rasa takut, terutama ketika hendak solat Subuh. Air terlalu sejuk... terasa seperti menyentuh ais pada waktu pagi ketika nak berwuduk.

"Mujur kereta tak meragam dan dapat dihidupkan seperti biasa walaupun keadaan sejuk pada waktu pagi. Pukul 9.30 pagi pun masih berkabus," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Kelantan Datuk Ahmad Razin Ahmad Maher berkata walaupun fenomena suhu rendah berlaku di negeri ini sejak Rabu lepas, tiada sebarang masalah kesihatan dilaporkan sehingga kini.

Portal rasmi **Jabatan Meteorologi Malaysia** pada Rabu lepas melaporkan Kuala Krai mencatat suhu kedua paling rendah iaitu 17.2 darjah Celsius selepas Cameron Highlands (12 darjah Celsius).

Suhu di Kuala Krai hari ini ialah minimum 19.1 darjah Celsius dan maksimum 29.2 darjah Celsius manakala di Kota Bharu pula, minimum 21.0 darjah Celsius dan maksimum 27.9 darjah Celsius.

Fenomena suhu sejuk itu berpunca daripada luruan udara sejuk dari Tanah Besar China yang bergerak ke Laut China Selatan, dan keadaan itu biasa terjadi ketika Monsun Timur Laut.

-- BERNAMA



Musim Timur Jadi Produk Pelancongan Perlis

Oleh Adnan Jahaya

KANGAR (Bernama) -- Jika ingin menikmati suhu sejuk persis di lokasi tanah tinggi, Musim Timur adalah masa yang sesuai untuk anda melawat Perlis.

Musim Timur yang membawa angin sejuk, yang juga dikenali "angin timur" seringkali bertandang antara Disember dan Mac setiap tahun.

Perlis, yang pernah mencatat negeri paling panas dengan rekod suhu 40.1 darjah Celsius pada 1998, dijangka berubah suhu menjelang sambutan Tahun Baru Cina ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Negeri Perlis, Abdul Jamil Saad memberitahu Bernama, paras suhu di Perlis dijangka turun sehingga 20 darjah Celsius pada sebelah malam menjelang minggu hadapan.

Jabatan Meteorologi Malaysia pula meramalkan paras suhu di negeri yang bersempadan dengan Thailand itu adalah antara 24 dan 33 darjah Celsius sehingga tempoh seminggu akan datang.

"Kami harap cuaca sejuk musim timur tidak menghadirkan masalah sebaliknya akan mengundang pelancong yang gemarkan hawa sejuk," kata Abdul Jamil.

Sejak sekian lama musim timur datang dan pergi tanpa begitu disedari ramai namun kini Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia tidak akan melepaskan kehadiran musim timur yang selama ini menghulurkan kesejukan kepada kira-kira 250,000 penduduk Perlis.

Abdul Jamil berkata, kerajaan negeri akan memberi sokongan dan kerjasama kepada kementerian itu yang sedang merangka program Pesta Angin Timur 2014 selama dua hari di Permatang Keriang dekat sini mulai 1 Mac ini.

Bagi Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Perlis, Rahmat Md Noh, musim timur seharusnya dimanfaatkan dan dipromosi sebagai produk pelancongan.

SENI DAN BUDAYA WARNAI MUSIM TIMUR

Beliau berkata, pelancong dalam dan luar negara perlu didedahkan dengan fenomena angin sejuk di Perlis dan kegiatan budaya dan seni masyarakat tempatan.

Bukan itu sahaja, budaya dan kesenian masyarakat yang suatu ketika dahulu mewarnai musim timur perlu dihidupkan semula, kata Rahmat, yang juga seorang penggiat seni dan budaya.

JKKN Perlis dipertanggungjawab sebagai pengelola pesta itu melalui kerjasama kerajaan negeri Perlis dan Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Perlis.

Antara pengisian yang dicadangkan pada pesta selama dua hari itu ialah pertandingan menggagau ikan (menangkap ikan air tawar menggunakan tangan), mengemping padi, pertandingan bajak berhias dan sukan rakyat dalam sawah, kata Rahmat, yang juga Setiausaha Jawatankuasa Penganjur Pesta Angin Timur 2014.

Turut dicadangkan ialah pertandingan gendang silat, persembahan wayang kulit dan demonstrasi membanting padi, menganyam tikar mengkuang dan pertandingan seni suara burung merbah jambul.

Para pelancong luar negara juga akan berpeluang mengutip pengalaman pesta angin timur dengan menyertai kegiatan bermain layang-layang, menarik upih, memandu bajak serta mengemping padi.

Bagi warga emas yang menetap di Bintong, Sum Sanapi, 73, musim timur adalah musim bersantai para penduduk selepas selesai musim menuai padi.

Pada musim timur, hujan tidak turun namun angin monsun timur laut yang datang membawa kesejukan menyebabkan ada yang liat untuk mandi pada sebelah pagi.

"Hujan hanya turun pada musim barat yang ketika itu kerja-kerja sawah perlu bermula," katanya sambil mengimbau sejarah lampau.

MUSIM TIMUR HADIR DENGAN PERUBAHAN

Bagi generasi muda, kehadiran musim timur hanya dirasai apabila cuaca bertambah sejuk namun telinga mereka tidak pernah disentuh oleh irama serunai batang padi suatu ketika dahulu pernah berkumandang di kawasan kampung.

Suasana musim timur kini jauh berubah berbanding puluhan tahun lepas walaupun kesejukannya tetap terasa terutama menjelang malam.

Irama serunai batang padi yang pernah dilagukan para penduduk sudah lenyap lebih 20 tahun lepas kerana batang padi tinggalan jentuai tidak lagi diminati.

Yang masih kendengaran hanya bunyi pendengung daripada wau tradisional seperti wau helang, wau jalabudi dan wau bulan yang dilayangkan oleh para penduduk terutama pada sebelah petang.

Begitu juga irama daripada kegiatan mengemping padi sudah lama tidak kendengaran kecuali sesekali kesenian alu bunyi yang dikaitkan dengan kegiatan mengemping dipersembahkan pada acara-acara budaya.

Sesungguhnya banyak kegiatan yang suatu ketika dahulu sering diamalkan setiap kali ketibaan musim timur tetapi kini semakin jarang dilakukan.

Antaranya kegiatan menggagau ikan, menimba telaga dan bermain penangin.

Generasi muda pula tidak lagi memikirkan untuk mengembalikan kegiatan itu kerana kebanyakannya lebih senang dan santai dengan gajet-gajet yang menawarkan pelbagai permainan.

PROGRAM "WINTER WIND"

Meskipun kegiatan tradisional musim timur sudah lenyap namun ia telah diisi dengan kegiatan-kegiatan pertemuan pemimpin dan masyarakat secara santai.

Contohnya, bekas Menteri Besar Perlis dan kini Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim memperkenalkan program "Winter Wind" pada 1995 ketika hadirnya musim timur.

Pada program yang berlangsung hampir setiap malam di lokasi dan kumpulan yang berbeza, beliau akan mengadakan pertemuan santai bersama penduduk sambil menikmati ikan bakar.

Bagi penggiat seni dan budaya, cuaca sejuk bukan halangan bagi mereka untuk bermukim di Pesta Angin Timur 2014 di Permatang Keriang, kawasan jelapang padi yang terletak kira-kira 20 kilometer dari bandar Kangar.

Yang pasti dalam kedinginan musim timur, mereka akan tetap mengutip cebisan nostalgia yang telah lama hilang.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 19
TARIKH: 25 JANUARI 2014 (SABTU)

SIRIM lancar pelan pengkomersialan



ANTARA produk yang dikaji selidik oleh SIRIM iaitu motosikal elektrik (kiri), implan gigi dan tempurung kepala.

SHAH ALAM 24 Jan. - SIRIM Bhd. (SIRIM) yang mempunyai pengalaman penyelidikan dalam pelbagai bidang teknologi kini mengorak langkah dengan menubuhkan sebuah anak syarikat, SIRIM TechVenture Sdn. Bhd. untuk tujuan pengkomersialan produk.

Anak syarikatnya itu akan bekerjasama dengan syarikat yang telah menempa nama di dalam pelbagai industri di negara ini bagi menghasilkan produk yang berinovasi dan berteknologi tinggi.

Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof berkata, pelaksanaan program itu akan memudahkan proses pemindahan teknologi kepada industri dilaksanakan dengan lebih terperinci dan pemantauan pengkomersialan teknologi juga dapat berjalan dengan lancar.

"Kita akan melancarkan syarikat ini kepada umum pada tahun

ini dan mahu ia menjadi platform dalam pengkomersialan produk yang bukan sahaja di dalam negara malah di peringkat antarabangsa.

"Anak syarikat ini juga akan memastikan pengkomersialan komprehensif dapat dilaksanakan meliputi aktiviti seperti penambah-

baikan dan pembangunan produk yang mematuhi piawaian serta ujian klinikal dengan kebolehpasaran yang tinggi," katanya kepada Utusan

Malaysia di sini hari ini.

Antara produk yang sedia dikomersialkan oleh SIRIM adalah Bateri LIPOS (Teknologi Lithi-

um-ion Phosphate), Loji Pemproses Biogas Asli serta Tangki CNG (Compress Natural Gas) dan Perkhidmatan Pembinaan Semula Craniofacial serta Implan Titanium.

Zainal Abidin berkata, proses pengkomersialan ini bukanlah sesuatu yang mudah bagi usahawan justeru objektif penubuhan anak syarikat ini akan membantu mereka untuk memasarkan produk ke tahap yang lebih tinggi.

Katanya, ini bukan sahaja menjadikan SIRIM sebuah syarikat penyelidikan malah menjadi sebuah institusi penyelesaian total kepada industri dan usahawan.

"Terdapat beribu-ribu syarikat yang gagal kerana tidak mampu memasarkan produk dengan baik jadi kita akan membantu usahawan itu agar produk dan inovasi dapat dikembangkan ke pasaran yang lebih luas," ujarnya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 19
TARIKH: 25 JANUARI 2014 (SABTU)

SIRIM TechVenture memudahkan pemindahan teknologi kepada industri

Oleh FAZRINA AYU RADUIAN
ekonomi@utusan.com.my

SHAH ALAM 24 Jan. - **SIRIM Bhd. (SIRIM)** memperkenalkan pelan pengkomersialan SIRIM 2014 bagi meningkatkan usaha pengkomersialan agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu.

Bukan sahaja mahu dikenali dengan keupayaan menentukan piawaian barangan mengikut standard yang tinggi malah SIRIM mahu terus mendominasi dunia inovasi dengan menjadi sebuah institusi penyelidikan yang lengkap dan terunggul.

Bersandarkan pengalaman lebih 40 tahun dalam dunia inovasi, penyelidikan dan pembangunan (R&D), SIRIM memperkenalkan 23 produk yang akan memberi manfaat kepada industri, rakyat Malaysia dan juga di peringkat antarabangsa.

Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusuf berkata, produk yang akan diperkenalkan oleh SIRIM ini akan dilancarkan



KETUA Projek Pusat Penyelidikan Teknologi Tenaga Biomasa Tenaga Diperbaharui SIRIM, Azhar Abdul Raof menunjukkan pam biogas asli daripada efluen kilang kelapa sawit di ibu pejabat SIRIM, Shah Alam, kelmarin. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

secara berperingkat-peringkat dan perincian ini akan dijalankan setiap bulan sepanjang tahun.

Pada tahun ini juga ujarnya, SIRIM berpeluang untuk menjadi tu-

an rumah bagi Pelancaran Tahun Pengkomersialan MOSTI 2014 yang berlangsung Khamis lepas.

"Ini juga selaras dengan Pelancaran Tahun Pengkomersialan

MOSTI 2014 di mana SIRIM yang merupakan agensi di bawah kementerian itu akan terus komited memastikan pengeluaran produk-produk yang berinovasi serta



ZAINAL ABIDIN MOHD. YUSUF

berkualiti akan dihasilkan.

"Pelan ini juga akan memudahkan pihak industri untuk membuat perancangan dan mengetahui mengenai teknologi yang berkaitan yang telah sedia ada untuk dikomersialkan," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Bagi memantapkan aktiviti bagi tujuan pengkomersialan ini, penciptaan produk dan teknologi SIRIM memfokuskan kepada tiga bidang utama iaitu tenaga dan alam sekitar, teknologi perubatan dan juga loji dan mesin.

Katanya, ketiga-tiga tumpuan ini akan melahirkan produk yang tepat terutamanya dalam Tenaga dan Alam Sekitar yang menumpukan kepada Penjana Tenaga, Penyimpanan Tenaga, Pembangunan Produk-Eko, dan Teknologi Alam Sekitar.

Antara produk inovasi yang akan diperkenalkan ialah Bateri LI-POS berasaskan Teknologi Lithium-Ion Phosphate, projek Loji Pemproses Biogas dan Tangki kompositCNG (Compressed Natural Gas), Perkhidmatan Pembinaan Semula Craniofacial dan Implan Titanium, Sistem Kitaran Air Solaerator, Produk Hijau Bio-Komposit.

"Kesemua inovasi dan pembangunan teknologi yang ditawarkan adalah berlandaskan tiga flagship yang telah diperkenalkan pada tahun lepas.

"Produk yang dihasilkan oleh SIRIM amat berkualiti tinggi dan menepati kehendak dan keperluan semasa serta paling membanggakan adalah ia merupakan idea dan inovasi oleh pakar tempatan," katanya.

Zainal Abidin berkata, usaha SIRIM untuk mengkomersialkan produk bukan sahaja melalui penciptaan teknologi dan inovasi malah turut akan mengadakan pameran memperkenalkan teknologi dan juga padanan perniagaan pada bulan April.

Sirim steps up bid to spur technology transfer

SHAH ALAM: Sirim Bhd is stepping up efforts to commercialise more innovative and high-technology products this year in a bid to spur technology transfer among industry players in the country.

President and chief executive Dr Zainal Abidin Mohd Yusof said Sirim has developed a comprehensive Commercialisation Roadmap to ensure the smooth implementation of technology commercialisation and technology transfers to the industries.

"Other than that, this plan will also help industries to plan ahead and get an alert when certain related Sirim technologies are ready to be commercialised," he said.


Sirim has a strong set-up in research and development, technology, innovation, design and engineering, standards and quality, and technology transfer.

In its five-year plan launched last year, Sirim decided to focus on three flagships, namely plant and machinery, energy and environment and medical technology.

"Our focus is on these three areas, but the impact of the move will cut across and spill over into other industries. We want businesses to know that there is a lot more that we can offer," he said.

Given the new global trend in innovation, Zainal Abidin said new models for technology transfer are emerging, particularly those targeting economic development.

He said the presence of systems



Sirim has listed 23 potential products that are ready to be commercialised this year, including **bio natural gas from palm oil mill effluent** (left), a **Lithium-ion Phosphate battery system for vehicles** (right), the Solaeerator™ Aeration System and the Green Bio-Composite Furniture.

enabling technology transfer is one of the most (if not the most) significant factors in a country's economic success.

"We are planting the seeds that grow our country's innovation ecosystem. We found that there are niches where we can engage the right companies who share our vision," he said in an interview recently.

Sirim does not have any fixed criteria when it comes to potential partners as both small and medium enterprises and large enterprises are welcome to open negotiations, although industry experience is

a definite advantage.

Currently, Sirim's ready-to-market products include medical-related products such as artificial bones, wound management products and titanium alloy implant for surgeons to fix skull fractures.

The company has listed 23 potential products that are ready to be commercialised this year. Among them are bio-natural gas from palm oil mill effluent, a Lithium-ion Phosphate battery system for vehicles, the Solaeerator™ Aeration System, Green Bio-Composite Furniture, Eco Industrial Design Services and Tool and

Cutter Grinder machine.

"Commercialisation makes our research more relevant, so we can ensure that we contribute to the national agenda in turning the country into a high-income nation," Zainal Abidin said.


Sirim has also established a subsidiary, Sirim Tech Venture Sdn Bhd, to facilitate the commercialisation of those products.

The roadmap is also in support of the MOSTI Commercialisation Year 2014, which was launched by Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin on Thursday.



Sirim's ready-to-market medical-related products include artificial bones, wound management products and **titanium alloy implant** (above) for surgeons to fix skull fractures

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 05
TARIKH: 25 JANUARI 2014 (SABTU)



Tun Dr Mahathir Mohamad launching the **book** penned by **Dr Muddathir Abd Al-Rahim** (second from right) entitled '**Hak Asasi Kemanusiaan dalam Tradisi Islam**' in Kuala Lumpur. Pic by Mohd Khairul Helmy Mohd Din

Dr M: Protests aim to provoke govt

KUALA LUMPUR: The opposition has been inciting the government to reveal its weaknesses, former prime minister Tun Dr Mahathir Mohamad said yesterday.

He was commenting on the increasing number of protests staged by the opposition.

On Sunday, supporters of PKR's de facto leader Datuk Seri Anwar Ibrahim had rallied and stomped on the Japanese flag in front of the Japanese embassy here to protest

against his eviction from Japan. Officials from the embassy, however, had stressed that Anwar failed to fulfil the entry requirements into the country.

On Wednesday, Himpunan Hijau (anti-Lynas activists) had protested outside the Australian High Commission against the rare earth plant.

A minor ruckus followed when the group's chairman, Wong Tack, and others were stopped by security officers.

Dr Mahathir said their stunts were acts of provocation because the opposition sensed that the Barisan Nasional-led government was not as strong as it was before 2008.

"They see the weaknesses and want to capitalise on them," he said after launching a book authored by Dr Muddathir Abd Al-Rahim entitled *Hak Asasi Kemanusiaan dalam Tradisi Islam* (Human rights in Islamic tradition) at the Malaysian Islamic Centre here yesterday.